



TAHAP PEMAHAMAN DAN PENGGUNAAN MASDAR SARIH DAN MASDAR MU'AWWAL DALAM KALANGAN PELAJAR PRA-SISWAZAH FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Beni Husmansyah & Hakim Zainal
Jabatan Arab dan Tamadu Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: benihusmansyah5@gmail.com, haza@ukm.edu.my

Abstrak- Berdasarkan dapatan kajian-kajian yang lepas, ramai pelajar di peringkat menengah yang masih lagi tidak memahami beberapa perkara berkaitan masdar. Antara kefahaman berkaitan dengan masdar yang perlu diketahui ialah berkaitan masdar sarih dan masdar mu'awwal. Kajian ini adalah untuk menganalisis perbezaan antara masdar sarih dan masdar mu'awwal. Kajian juga akan menganalisis tahap kebolehan pelajar pra-siswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam membezakan pola masdar sarih dan masdar mu'awwal dan seterusnya untuk menganalisis tahap pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar muawwal dalam kalangan pelajar tersebut. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dianalisis secara deskriptif. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 220 orang pelajar daripada pelajar pra-siswazah tahun satu Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik dan ujian bertulis. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Program Social Science (SPSS) versi 18. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebolehan pelajar dalam membezakan pola masdar sarih dan masdar mu'awwal adalah sangat baik. Manakala tahap pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal oleh pelajar lemah. Secara keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan pelajar mempunyai masalah dalam memahami dan menggunakan masdar sarih dan masdar mu'awwal. Hasil daripada kajian ini diharap dapat memberikan manfaat dan panduan kepada guru sekolah menengah untuk meningkatkan pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal bagi pelajar, dan juga diharap dapat membantu pensyarah untuk meningkatkan pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal dalam kalangan pelajar pra-siswazah di peringkat institusi pengajian tinggi.

Kata kunci: Tahap Pemahaman, Pelajar Pra-Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia

I. Pendahuluan

Allah menciptakan dunia yang begitu luas dan indah dan di dalamnya diciptakan pula berbagai-bagai makhluk yang Lain, diantaranya ialah manusia. Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling sempurna sebagai mana dijelaskan didalam surah at-Tin ayat ke-4 (Al-Quran Juz' 30). Manusia adalah makhluk sosial yang tidak boleh hidup bersendirian. Oleh itu, Allah menjadikan manusia boleh berbicara dengan berbagai bahasa untuk bersosialisasi sesama manusia. Terdapat banyak bahasa yang diguna pakai untuk berkomunikasi antaranya ialah Bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang terunggul di dunia. Penggunaan Bahasa Arab banyak diaplikasikan dalam bentuk lisan dan juga penulisan termasuklah penulisan surat khabar. Bahasa Arab merupakan bahasa rasmi bagi 18 buah negara Afrika Utara dan Timur Tengah meliputi kira-kira 165 juta penduduk (Sofer 2006). Bahasa Arab juga tidak boleh dipisahkan daripada pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Konsep mengenai bahasa agama telah menjadi agenda perbincangan dan perdebatan pelbagai pihak termasuk ahli linguistik, ahli teologi dan ahli falsafah (Komaruddin 1996). Dalam ilmu Bahasa Arab tidak hanya terhad kepada satu bidang kajian sahaja. Tetapi, bidang kajian Bahasa Arab amat meluas antaranya meliputi bidang fonologi (*ilm al-aswat*), morfologi (*ilm al-sarf*), sintaksis (*ilm al-nahw*), semantik (*ilm al-dalalah*) dan sebagainya. Antara bidang kajian yang dianggap penting dalam pembelajaran Bahasa Arab adalah *al-sarf*. Ilmu *sarf* ialah ilmu yang membincangkan tentang ayat yang perbincangannya dilihat dari *idgham*, *i'lah*, *ibdal* dengan ilmu itu kita boleh mengetahui apa-apa yang dapat membentuk suatu perkataan (*kalimah*) sebelum kita menyusunnya menjadi suatu ayat (*jumlah*). Ilmu *sarf* ini memiliki dua objek iaitu *isim mu'rab* dan *fi'il mutasharrif*. Adapun *isim mabni*, *fi'il jamid* dan huruf bukanlah sebahagian dari objek ilmu *sarf* (al-Gholayayni 1991). Dalam ilmu *sarf* terdapat pelbagai bidang yang dikaji termasuklah Masdar. Masdar adalah kata nama yang hanya menunjukkan kepada perbuatan sahaja, hal ini dijelaskan oleh Abd al-Ghaniy al-Dugr (1986) dan Fakh al-din Qabawah (1988). Selain itu, Azlan Abd. Rahman (2007:6) memberikan pandangan tentang *masdar*, yang maksudnya ialah kata nama yang

menunjukkan suatu perbuatan yang tidak terikat dengan masa. Masdar terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya ialah *masdar muawwal* dan *masdar sarih*. *Masdar muawwal* adalah masdar yang terhasil daripada huruf-huruf masdar yang bergabung, sama ada dengan kata kerja masa lampau atau kata kerja masa kini. Hasil gabungan itu dinamakan sebagai ayat silah yang boleh ditakwilkan menjadi *masdar sarih* (Azlan Abd.Rahman 2007:7). Perkara ini dapat dilihat pada contoh yang telah digaris bawah berikut ini: **أُرِيدُ أَنْ أَجْلِسَ بِجَنَّتِكَ** *Masdar mu'awwal أَجْلَسَ* yang terdiri daripada gabungan partikel “an” dan kata kerja masa kini “فِعْلٌ” + “أَنْ”. Takwil ayatnya menjadi: Perkataan **جُلوس** adalah *masdar sarih*, iaitu *masdar* yang berasal dari **جَلَسَ – يَجْلِسُ – جُلُوسًا**. Maksud ayat : “Saya ingin duduk di sebelah anda.” Masdar sarih juga dikenali sebagai nama masdar asli. Umumnya masdar sarih terbahagi kepada dua bahagian: *sima'iy* dan *qiyasiy*.

II. Pernyataan Masalah

Pemahaman pelajar mengenai *ilmu sarf* amatlah penting kerana ia memberi kesan yang mendalam kepada pengkaji kitab-kitab Arab. Sesiapa yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ilmu sarf berisiko untuk tidak boleh memahami kitab-kitab Arab dengan baik kerana kitab-kitab yang akan mereka kaji mengandungi banyak unsur-unsur ilmu sarf. Antara kajian *ilmu sarf* yang agak sukar dipahami dan dianggap penting adalah perkataan daripada *masdar muawwal* dan *masdar sarih*. Kajian tentang *masdar* ini amat penting kerana ia menjadi tumpuan kajian para pengkaji sebelumnya. Kajian *masdar* ini terbukti penting sebagaimana menurut pendapat ulama Basrah, masdar adalah *al-asl al-wahid* (asal terbit) daripada *fi' il*, *isim fa' il*, *isim maf'ul* dan selainnya (Zuhdi 2011). Pendapat di atas atas boleh disimpulkan bahawa masdar adalah kata pembentukan awal daripada perkataan-perkataan lainnya, seperti *fi' il*, *isim fi' il*, *isim maf'ul* dan selainnya. Jika sesiapa tidak memahami *masdar* maka boleh dikatakan ia tidak akan memahami *fi' il*, *isim fi' il*, *isim maf'ul*, dan selainnya. Selain itu, dapatan kajian daripada *Masdar Bahasa Arab: Fungsi dan Penggunaan* oleh Azlan Abd.Rahman (2007) juga menyatakan bahawa kemampuan pelajar Melayu masih belum mencapai tahap yang memuaskan, sehingga menyebabkan penguasaan masdar terutama dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia menjadi lemah. Sekaligus menjadikan kajian ini penting untuk dilaksanakan. Terdapat beberapa permasalahan yang pernah dikaji sebelum ini tentang masalah yang dihadapi pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab. Dalam satu kajian, *Pengaplikasian Masdar Dalam Bidang Penulisan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan* disebutkan, bahawa kemampuan pelajar dalam membezakan mana *masdar sarih* dan mana *masdar muawwal* masih lemah. Selain itu, kajian tersebut turut menjelaskan bahawa kekeliruan ini sering timbul terutamanya dalam kalangan pelajar berbangsa Melayu di peringkat sekolah dan universiti. Kebanyakan daripada mereka tidak dapat membezakan antara *masdar sarih* dan *masdar muawwal* sama ada dari segi pola mahupun dari segi maknanya. Mereka jarang mengaplikasikannya dalam penulisan kerana mereka tidak memahami masdar itu sendiri. Pengkaji ini juga mencadangkan untuk kajian lanjutan mengkaji tentang pengkhususan jenis-jenis masdar, kedudukan masdar dari segi i'rab, perbezaan antara masdar bagi kata kerja tiga, empat, lima dan enam huruf serta fungsi-fungsinya (Wan Ilyani Wan Abdullah 2005).

Abdullah Tahmim Abd.Latif pun pernah membahas tentang masdar dalam disertasinya pada tahun 1994/1995, yang bertajuk *Masdar Muawwal: Suatu Analisis, Mengkhususkan Pengkajiannya Mengenai Masdar Muawwal*. Kajian beliau bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas konsep, bentuk, cara penggunaan dan kepentingannya dalam struktur Bahasa Arab. Manakala kajian *Masdar Sarih dan Masdar Muawwal: Analisis Bandingan Kekekrapan dalam Surah Al-Baqarah ayat 1-100*, memaparkan perbincangannya terhadap masdar sarih dan masdar muawwal dengan menganalisis perbandingan antara kedua-duanya khusus dari aspek kekekrapan dengan memfokuskan kepada surah al-Baqarah ayat 1-100 sahaja. Dapatan kajian ini mendapati bahawa masdar sarih lebih banyak digunakan berbanding masdar muawwal. Namun tidak semua bahagian masdar sarih digunakan dalam surah al-baqarah ini, tetapi hanya masdar sarih thulathi yang berpolakan wazan **فَعَلَ** sahaja yang banyak digunakan. (Akmarina Mohd Salwai 2013)

Azlan Abd.Rahman (2007) menyatakan tentang beberapa faktor yang menjadi punca kesilapan, kekeliruan, kelemahan dan permasalahan yang dihadapi oleh pelajar sewaktu mempelajari masdar ialah ketidakupayaan pelajar memahami dan menguasai dengan baik peraturan masdar yang terdiri daripada pelbagai jenis, fungsi, unit, bentuk, pola dan sebagainya. Azlan juga mengatakan bahawa pelajar tidak menguasai sepenuhnya perbezaan di antara masdar dan isim masdar. Selain itu juga mereka keliru tentang perbezaan ism fa' il dan masdar. Antara permasalahan di atas, salah satu permasalahan yang sangat menarik dikaji ialah permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam memahami masdar sarih dan muawwal. Walaupun ada kajian yang telah dilakukan terhadap kefahaman pelajar peringkat sekolah dalam masdar sarih dan muawwal, namun belum ada lagi kajian yang dilaksanakan diperingkat universiti. Menyedari betapa pentingnya pelajar peringkat universiti mesti memahami dan menguasai ilmu sarf (masdar) terutamanya pelajar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian ini masih tidak dilaksanakan secara khusus mengenainya sebelum ini, maka sudah tentu kita sebagai penyokong dan pencinta Bahasa Arab perlu berusaha mencari jawapan

sebenarnya seterusnya disebarkan kepada masyarakat melalui institusi-institusi pendidikan dan kemudahan teknologi yang lebih maju pada masa kini. Justeru, kajian ini cuba menjelaskan salah satu daripada ilmu yang berkaitan dengan ilmu sarf dengan mengkaji “*Tahap Pemahaman Dan Penggunaan Masdar Sarih Dan Masdar Muawwal Dalam Kalangan Pelajar Pra-Siswazah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*”.

III. Metodologi Kajian

Pengkaji mengemukakan metode kajian yang digunakan dalam usaha menjawab soalan yang muncul dalam persoalan kajian yang dikemukakan di atas. Oleh itu, pengkaji menumpukan kepada rekabentuk kajian dan cara penganalisaan data. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif kerana penyelidik mengukur sejauh mana pemahaman pelajar Pra-Siswazah dalam memahami kaedah Bahasa Arab tentang penggunaan *masdar sarih* dan *masdar mu'awwal*. Untuk menganalisis data dari dapatan kajian iaitu menggunakan SPSS 18.

IV. Hasil Kajian

Dapatan kajian yang pertama bagi kemampuan pelajar dalam membezakan masdar sarih dan masdar muawwal mendapati skala sangat baik dengan jumlah peratusan sebanyak 80.82 peratus. Jadual Dapatan kajian Keseluruhan bagi Tahap Kemampuan pelajar dalam membezakan masdar Sarih dan masdar Mu'awwal

| No Soal | Jawapan Salah | Peratus(%) | Jawapan Benar | Peratus(%) |
|---------|---------------|------------|---------------|------------|
| 1 | 36 orang | 16.4% | 184 orang | 83.6% |
| 2 | 34 orang | 15.5% | 186 orang | 84.5% |
| 3 | 43 orang | 19.5% | 177 orang | 80.5% |
| 4 | 37 orang | 16.8% | 183 orang | 83.2% |
| 5 | 36 orang | 16.4% | 184 orang | 83.6% |
| 6 | 63 orang | 28.6% | 157 orang | 71.4% |
| 7 | 41 orang | 18.6% | 179 orang | 81.4% |
| 8 | 44 orang | 20.0% | 176 orang | 80.0% |
| 9 | 56 orang | 25.5% | 164 orang | 74.5% |
| 10 | 32 orang | 14.5% | 188 orang | 85.5% |

Kesimpulan dari dapatan kajian ini iaitu berdasarkan daripada jadual di atas, kebolehan pelajar dalam membezakan masdar sarih dan masdar mu'awwal iaitu berada pada tahap sangat baik (80.82). Dapatan kajian yang kedua iaitu pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal dalam kalangan pelajar, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia keseluruhan iaitu berada pada tahap lemah (45.77%). Jadual Dapatan Kajian Keseluruhan bagi tahap pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal dalam kalangan pelajar

| No Soal | Jawapan Salah | Peratus(%) | Jawapan Benar | Peratus (%) |
|---------|---------------|------------|---------------|-------------|
| 1 | 81 orang | 36.8% | 139 orang | 63.2% |
| 2 | 122 orang | 55.5% | 98 orang | 44.5% |
| 3 | 119 orang | 54.1% | 101 orang | 45.9% |
| 4 | 135 orang | 61.4% | 85 orang | 38.6% |
| 5 | 126 orang | 57.3% | 94 orang | 42.7% |
| 6 | 85 orang | 38.6% | 135 orang | 61.4% |
| 7 | 107 orang | 48.6% | 113 orang | 51.4% |
| 8 | 162 orang | 73.6% | 58 orang | 26.4% |
| 9 | 150 orang | 68.2% | 70 orang | 31.8% |
| 10 | 106 orang | 48.2% | 114 orang | 51.8% |

Kesimpulan dari dapatan kajian ini iaitu berdasarkan daripada jadual di atas, pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal dalam kalangan pelajar, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia keseluruhan iaitu berada pada tahap lemah (45.77%)

V. Kesimpulan

Dalam kesimpulan ini pengkaji menyimpulkan kepada dua garis besar iaitu: Yang pertama, kebolehan pelajar dalam membezakan masdar sarih dan masdar mu'awwal, sesuai dengan dapatan kajian tentang hal tersebut adalah mereka berada pada tahap yang sangat baik. Perkara ini dibuktikan melalui analisis deskriptif dengan jumlah peratusan sebanyak 80.82 peratus. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar Pra-Siswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, mampu dalam membezakan masdar sarih dan masdar mu'awwal. Yang kedua, tahap pemahaman dan penggunaan masdar sarih dan masdar mu'awwal dalam kalangan pelajar Pra-Siswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sesuai dengan Dapatan kajian untuk objektif kajian ini iaitu pelajar berada pada tahap yang lemah, Perkara ini dibuktikan melalui analisis deskriptif dengan jumlah peratusan sebanyak 45 peratus. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar Pra-Siswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, belum mampu ataupun masih lemah dalam memahami dan menggunakan masdar sarih dan masdar mu'awwal. Oleh kerana itu, kelemahan pelajar dalam memahami dan menggunakan masdar sarih dan masdar mu'awwal menjadi tanggung jawab bersama bagi pelajar sen diri, cikgu/pensyarah, ibubapa, dan pihak yang membuat kebijakan.

Rujukan

1. Al-Quran
2. Akmarina Binti Mohd Salwai.2013. Masdar sarif dan masdar muawwal: Analisis bandingan kekerapan dalam surah al-Baqarah ayat 1-100. Desertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Al-Ghalayiniy, Mustafa, 1991. *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat*. Cetakan kedua puluh tiga. Beirut : Al-Maktabat al-Asriyyat.
4. Al-Fadhli, Abd al-Hadya. *Mukhtasor al-Sarf*. Beirut : Daru al-Qalam.
5. An-Nabi, Mahmud, Ali, 2004. *Alkamil pi an-Nahwi wa as-Sarf*. Cetakan pertama. Al – qahirah: Daru al-Fikri al-'Arabiy.
6. Arikunto, S. 2002. *Prosedur Suatu Penelitian: Pendekatan Praktek*. Edisi Revisi kelima. Penerbit Rineka Cipta. Jakarata.
7. Azlan Abd.Rahman, 2007. *Masdar Bahasa Arab: fungsi dan penggunaan*. Taman Serdang Raya: LOHPRINT SDN. BHD.
8. Qabawah, Fakhr al-Din, 1988. *Tasrif al-asma' wa al-Af'al*. Cetakan kedua. Beirut: Maktabat al-Ma'arif.
9. Wan Ilyani binti Wan Abdullah, 2005. *Pengaplikasian Masdar dalam bidang penulisan dikalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Yayasan Islam Kelantan*. Bangi, Selangor Darul Ehsan: Perpustakaan Tun Seri Lanang.

